

## Op Mahir: 114 PATI, 4 majikan ditahan

JOHOR BAHRU - Seramai 114 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor dalam serbuan Op Mahir yang dilaksanakan serentak di lima daerah.

Pengarah Imigresen Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, penahanan itu dibuat hasil pemeriksaan terhadap 511 individu di sembilan buah kilang di Johor Bahru, Muar, Segamat, Mersing dan Batu Pahat pada Rabu.

"Warga asing yang ditahan membabitkan warga Bangladesh seramai 44 orang; Nepal (28); India (12), Myanmar (12); Pakistan (9); Indonesia (8); Vietnam (4) dan Kemboja (1).

"Turut ditahan empat lelaki tempatan berusia lingkungan 50 hingga 60 tahun yang merupakan pemilik syarikat, pengurus gudang dan pengurus syarikat pembekalan pekerja asing," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Jelas beliau, kesemua warga asing yang ditahan disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

"Majikan warga tempatan puja ditahan mengikut kesalahan Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 kerana melindungi PATI dan Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63 atau tinggal di dalam premis.

"Sebanyak 10 notis turut dikeluarkan sepanjang operasi berkenaan bagi membantu siasatan," ujarnya.

Tambahnya lagi, kesemua tahanan kini di-tempatkan di Depot Imigresen Pekan Nenas untuk siasatan lanjut.

FOTO: IHSAN JIM



PATI yang ditahan dibawa ke Depot Imigresen Pekan Nenas untuk siasatan lanjut.